JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

AKRAB PERKASA KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DALAM ERA DIGITAL

PUTRAJAYA, **27 OKTOBER 2026** – Perubahan teknologi digital yang semakin pesat menuntut pendekatan yang lebih beretika dan berteraskan nilai kemanusiaan bagi memastikan kesejahteraan psikologi warga perkhidmatan awam terus terpelihara.

Dalam mendepani perubahan tersebut, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) terus memainkan peranan sebagai pemangkin kepada pembentukan budaya kerja yang positif, empati dan saling menyokong.

YBhg. Datuk Dr. Mohd Bakhari bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), berkata kemajuan teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI) bukan sahaja membuka peluang untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, malah menuntut warga perkhidmatan awam lebih bijaksana dalam mengurus perubahan, menjaga kerahsiaan serta memahami keperluan psikologi rakan sekerja.

"Jangan biarkan teknologi bergerak lebih pantas daripada kesediaan kita untuk berubah. Sebaliknya, jadilah insan yang mampu memimpin perubahan teknologi dengan nilai, etika dan kemanusiaan," katanya ketika merasmikan Konvensyen AKRAB Kebangsaan Kali Ke-9 Tahun 2026 (KAK 2026) di Auditorium JPA, Putrajaya, hari ini.

Konvensyen selama dua hari pada 27 dan 28 Oktober 2026 itu menghimpunkan lebih 400 ahli AKRAB daripada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan seluruh negara bagi memperkukuh kompetensi, memperluas jaringan kerjasama serta memperkasa peranan AKRAB dalam mendepani cabaran persekitaran kerja era digital.

Bertemakan *"AKRAB Menerajui Perubahan Era Digital"* dengan slogan *"Digital Beretika, Mental Terpelihara"*, KAK 2026 menekankan kepentingan mengimbangi pemanfaatan teknologi dengan kesejahteraan psikologi, khususnya dalam persekitaran kerja yang semakin dipengaruhi oleh pendigitalan.

Perkembangan teknologi turut membawa cabaran seperti lambakan maklumat, penyebaran berita palsu, risiko keselamatan dan privasi data serta tekanan akibat penggunaan teknologi yang tidak terkawal. Sehubungan itu, penggunaannya perlu

disertai pertimbangan profesional, pematuhan etika serta kesedaran terhadap kesejahteraan diri dan hubungan interpersonal.

Konvensyen ini turut menyaksikan pelancaran **Pelan Strategik AKRAB 2026–2030** sebagai panduan hala tuju AKRAB dalam memperkukuh kompetensi ahli, meningkatkan keberkesanan perkhidmatan menolong serta memperluas kerjasama strategik di peringkat kementerian, jabatan dan agensi.

Presiden Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK), Encik Mohd Afendi bin Ya@Zakaria, berkata konvensyen tersebut menjadi platform penting untuk memastikan ahli AKRAB kekal relevan, responsif dan bersedia menghadapi persekitaran kerja yang semakin dinamik.

Menurut beliau, transformasi digital bukan sekadar menuntut penguasaan teknologi, tetapi turut memerlukan kebijaksanaan mengurus perubahan serta keupayaan memahami keperluan manusia agar kesejahteraan mental warga perkhidmatan awam terus diberi perhatian.

Sejajar dengan peranan itu, AKRAB membantu rakan sekerja menghadapi tekanan, menyesuaikan diri dengan perubahan serta membina daya tahan psikologi. Ahli AKRAB juga memberikan sokongan awal dalam batas kompetensi yang ditetapkan serta membuat rujukan kepada pihak profesional apabila diperlukan.

Pemanfaatan platform digital dalam perkhidmatan menolong pula perlu dilaksanakan tanpa mengabaikan empati, kemahiran mendengar, kerahsiaan dan sentuhan kemanusiaan.

Pengisian KAK 2026 turut merangkumi sesi perkongsian bersama pemenang Anugerah AKRAB 2026, *Town Hall* AKRABSihat dan sesi AKRAB Borak Cakna (ABC), selain penyediaan resolusi konvensyen sebagai hala tuju bersama untuk terus memperkasa peranan AKRAB.

Penganjuran KAK 2026 diharap dapat melahirkan ahli AKRAB yang lebih kompeten, berdaya tahan, celik digital serta teguh berpegang pada etika dan nilai kemanusiaan, sekali gus menyokong pembentukan persekitaran kerja yang sihat, inklusif dan sejahtera.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam
Tarikh : 27 Oktober 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (72)